

Media : Kosmo

Date : 10 November 2023

## Seri Aji lancar perencah Nasi Goreng Kari dan Sup Ayam



PRODUK terbaharu daripada Seri Aji, perencah Nasi Goreng Kari dan Sup Ayam disasarkan mampu menambat hati rakyat Malaysia.

**PETALING JAYA** – Dalam dunia yang bergerak pantas pada hari ini, mengamalkan gaya hidup sihat dan mengekalkan diet seimbang menjadi satu cabaran terutamanya buat keluarga yang bekerja.

Memahami kepentingan ini, Ajinomoto (M) Berhad (AMB), sebuah syarikat makanan dan perasa terkemuka di Malaysia memperkenalkan dua produk terbaharu dari Seri-Aji, iaitu perencah Nasi Goreng Kari dan Sup

Ayam.

Menurutnya dalam satu kenyataan baru-baru ini, perencah Nasi Goreng Kari dan Sup Ayam adalah hasil ciptaan sensasi kulineri yang dilihat bakal menambat hati rakyat Malaysia.

Jelasnya, perencah Nasi Goreng Kari akan memberikan kepuasan dengan rasa yang menyejukan dan seimbang untuk semua, manakala perencah Sup Ayam pula dihasilkan untuk memudahkan suri rumah yang sentiasa sibuk.

"Serbuk perasa Nasi Goreng Kari kami mengandungi bahan-bahan sebenar, termasuk rasa kari yang aromatik dengan kadar kepedasan sempurna untuk dinikmati keluarga, sementara perasa Sup Ayam kami menggabungkan rempah ratus berkualiti tinggi.

"Tambahan garam juga tidak diperlukan apabila menggunakan produk ini," katanya.

Tambahnya, menerusi inovasi tersebut, AMB ingin merevolusikan perjalanan kulineri pelanggan dengan menyediakan produk yang ringkas dan mudah, selari dengan moto syarikat iaitu 'Eat Well, Live Well.'

AMB yang merupakan sebahagian daripada Kumpulan Ajinomoto memulakan operasi perniagaan pada tahun 1961 sebagai salah satu syarikat Jepun yang pertama di Malaysia.

Ini kini memiliki rangkaian produk di bawah jenama Aji-No-Moto, Rasa Sifu, Seri-Aji, Aji-Shio, Tumix, Pal Sweet, Aji-No-Moto Plus, Aji-Mix dan AminoVital.

Pada masa hadapan, syarikat tersebut menasaskan untuk menjadi sebuah 'Syarikat Makanan Halal Global yang Mengutamakan Pelanggan' bagi memberi sumbangan dalam menyelesaikan masalah makanan dan kesihatan orang ramai melalui kepakaran serta penyelesaian inovatif.